



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KAJI BENARKAN JUAL BERAS CAMPURAN, DALAM NEGERI, UM -4 PENYELESAIAN ADIL UNTUK PESAWAH, PENGILANG, PENGGUNA, DALAM NEGERI, UM 1, 14 & 15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	PENGHARGAAN BUAT HAIWAN, KU BELA, HM -32 & 33 PERHATI KUCING MUSIM HUJAN, KU BELA, HM -34	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7.	TUKUN TIRUAN JAGA EKOSISTEM, LESTARIKAN HIDUPAN MARIN DENGAN BAHAN TERPAKAI, WILAYAHKU.COM -ONLINE NELAYAN, PENIAGA RUGI AKIBAT FENOMENA AIR PASANG BESAR, ANGIN KENCANG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE NELAYAN RUGI RM10,000 PERALATAN ROSAK DIBADAI OMBAK, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9.	PESAWAH DERITA, 'MAIN HARGA' PADI, DALAM NEGERI, UM -6 BELIAN PADI RM1,600 PALING SESUAI HARGA BERAS SEMASA, DALAM NEGERI, UM -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10. 11. 12. 13.	SAWAH DITENGSELAMI BANJIR AKIBAT MASLAH KUNCI AIR, DALAM NEGERI, UM -31 'TECHNOLOGY, R&D AMONG KEY INGREDIENTS FOR FOOD SECURITY', BIZ & FINANCE, THE SUN -13 BANTING TULANG ENAM BULAN, 'GAJI' TIDAK SAMPAI RM2,000, DALAM NEGERI, UM -7 PERTANIAN: KELANTAN FOKUS TIGA PROJEK BESAR 2025, HARAKAH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kaji benarkan jual beras campuran

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID dan ASLINDA NASIR
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang membuat kajian terperinci untuk membenarkan penjualan beras campuran di pasaran tempatan.

Sehingga hari ini tiada larangan yang jelas tentang pencampuran beras di dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan tersebut turut disokong oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian kepada masalah bekalan beras yang berlaku ketika ini.

Katanya, pihaknya akan mengadakan satu libat urus bagi membincangkan perkara tersebut dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

"Sekarang kita sedang buat kajian secara terperinci sama ada mahu membenarkan atau tidak jual beras campuran ini, sebab kalau tidak mahu campur, kita kena pastikan bekalan beras tempatan itu cukup.

"Masalah sekarang ini, banyak aduan dari pengilang termasuk pengilang bumiputera yang mereka tidak boleh jual beras dengan



harga RM26 untuk hampir 10 kilogram sebab itu adalah harga pada 2008.

"Hasil kajian ini akan kita bentang dalam masa terdekat iaitu suku pertama tahun ini kepada Perdana Menteri supaya kita boleh buat perubahan struktur harga beras," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Mohamad berkata, setiap keputusan yang dibuat akan meletakkan pesawah sebagai keutamaan supaya golongan itu tidak menanggung kerugian dan dalam masa yang sama turut memikirkan alternatif kepada masyarakat supaya tidak terbeban dengan harga beras yang terlalu tinggi.

Katanya, Kementerian juga

akan berbincang mengenai ketetapan harga lantai yang perlu dipatuhi pengilang-pengilang supaya tiada mana-mana pihak yang berasa 'tertindas' kerana tidak mampu membeli padi pada harga yang tinggi seperti yang dibuat pengilang tertentu.

"Bisnes ini biasanya mereka akan berlumba-lumba untuk membeli padi. Kita di peringkat kerajaan memang tidak pernah mengawal berapa harga maksimum yang mereka beli, tetapi kita akan mengawal harga minimum dan mereka tidak boleh beli di bawah harga lantai RM1,300. Kalau maksimum itu perumبان antara pengilang-pengilang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Penyelesaian adil untuk pesawah, pengilang, pengguna »14

Kementerian juga akan berbincang mengenai ketetapan harga lantai yang perlu dipatuhi pengilang-pengilang supaya tiada mana-mana pihak yang berasa 'tertindas'.

Utusan Malaysia

PEMIKIRAN BAHARU





Penyelesaian adil untuk pesawah, pengilang, pengguna

MUKADIMAH

MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, **DATUK SERI MOHAMAD SABU** teruk dikecam sejak isu 'kehilangan' beras putih tempatan (BPT) di pasaran. Mereka kata beliau gagal menjalankan peranan sebagai menteri yang bertanggungjawab.

Dalam wawancara bersama wartawan *Utusan Malaysia*, **AQILAH MIOR KAMARULBAID, ASLINDA NASIR, AIDA RIZMARIZA KAMARUDDIN** serta dibantu jurufoto, **FAISOL MUSTAFA** dan juruvideo, **MUHAMMAD FARIS MD. IDERIS**, beliau menjelaskan sebab

ketiadaan BPT di pasaran dan usaha yang dilakukan kerajaan untuk memastikan sektor beras negara mencapai Kadar Sara Diri (SSR).

Dalam masa sama, beliau mahu apa jua keputusan yang bakal diambil mengutamakan kepentingan pesawah, pengilang dan pengguna dalam penetapan harga beras.

Dalam pertemuan selama hampir sejam di pejabatnya di Putrajaya, beliau yang juga Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) juga bercakap soal kemampuan parti pimpinannya yang dikatakan senyap daripada radar politik selain bergantung harap kepada khemah besar Pakatan Harapan (PH).

AKUI MASIH BERDEPAN KEKURANGAN BERAS TEMPATAN

BERAS sentiasa menjadi isu utama di negara kita, sejak sebelum atau selepas merdeka. Kalau masa Perang Dunia Kedua atau ketika Jepun menjajah, berlaku masalah kekurangan beras sehingga orang ramai di antaranya terpaksa makan makanan tambahan lain terutamanya ubi kayu.

Selepas merdeka, sawah padi diusahakan kebanyakan rakyat secara tradisi. Majoriti yang terlibat dalam sawah padi adalah orang-orang Melayu secara berskala kecil.

Untuk mengawal padi dan beras, kerajaan menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Disebabkan kekecohan hal beras, maka akhirnya LPN digantikan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Bernas merupakan pengimport tunggal beras daripada luar ke Malaysia. Jika syarikat-syarikat lain mahu mengimport beras perlu berbincang dengan Bernas kerana mereka akan menentukan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi.

Bernas memainkan peranan utama untuk menjamin kecukupan keterjaminan beras di Malaysia. Ertinya stok penimbal beras sentiasa berada di sekitar lima hingga enam bulan. Maknanya, beras

sentiasa ada.

Sejak 2008, kerajaan menetapkan harga RM26 untuk 10 kilogram (kg). Ketika itu, harga belian padi RM750.

Sudah 17 tahun harga BPT tidak disemak. Ketika ini kerajaan menetapkan harga lantai belian padi RM1,300 per metrik tan.

Pun begitu, pihak pengilang ada yang membeli pada harga RM1,500 hingga RM1,700 per metrik tan. Apabila kita membuat libat urus dengan pengilang dan pemborong, mereka mengatakan tidak lagi boleh jual BPT pada harga RM26 untuk 10kg ekoran peningkatan kos elektrik, upah dan sebagainya. Oleh itu, apabila mereka tidak boleh jual dengan harga RM2.60 untuk 1kg, maka wujud dakwaan pengilang mencampurkan BPT dengan beras import. Ini bagi membolehkan mereka mendapat sedikit keuntungan dan meneruskan perniagaan.

Pada masa sama berlaku pengurangan hasil padi. Kita hilang lebih kurang 20,000 ekar kawasan padi yang 'bertukar' menjadi kawasan perumahan, industri ataupun ditinggalkan kerana anak-anak tidak berminat untuk mengusahakan selepas ibu bapa meninggal dunia.

Pernah satu ketika, beras kita mencapai 71 peratus kecukupannya di Malaysia. Tetapi kini sekitar 56 peratus sahaja.

Apabila ditugaskan sebagai Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, saya

**Jaminan
kementerian ketika
ini adalah untuk
memastikan tiada
kenaikan harga
BPT. Namun, kita
menyadari kos
pengeluaran dan
lain-lain telah
meningkat.**

melihat hal beras ini secara serius kerana ia makanan utama rakyat Malaysia dan mereka yang bekerja di negara ini seperti daripada Nepal, Bangladesh, India, Indonesia dan Myanmar. Ini memberi penambahan tiga juta orang yang memakan beras di negara ini.

BERAS TEMPATAN TERPAKSA DIPULANGKAN KEPADA PEMBORONG

Isu BPT memuncak pada tahun lalu apabila harga beras import melambung tinggi. Menurut pasar raya Mydin, pada tahun sebelum-sebelum ini, orang tidak membeli BPT, kadang-kadang perlu menghantar semula kepada pemborong kerana tidak laku ekoran harga beras import dan beras tempatan ketika itu tidak jauh berbeza. Katakan RM26 harga beras tempatan dan RM31 untuk beras import.

Orang kita lebih berminat untuk membeli beras import.

Tetapi apabila harga beras import naik sehingga RM40, masa inilah pengguna mencari beras tempatan kerana harga BPT masih dikawal.

Jika dilihat daripada trend ini, rakyat Malaysia sebenarnya bukan mencari beras tempatan tetapi mencari beras yang lebih murah.

Sekarang ini, alhamdulillah apabila harga beras import sudah turun sebanyak dua kali sejak 2023 dan yang terkini menurun daripada RM3,000 satu tan kepada RM2,800 maka berakulah juga penurunan harga sekitar RM34 hingga RM38 untuk pek 10kg.

USAHA KEMENTERIAN

Saya memang memberi keutamaan dalam hal ini dan sentiasa membawa isu ini ke peringkat Kabinet, mesyuarat FSCC (Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara) dan NACCOL (Majlis Tindakan Kos Sara Hidup). Dalam masa sama juga kita berusaha meningkatkan hasil dengan tumpuan di Sekinchan, Selangor; Seberai Perai, Pulau Pinang dan beberapa kawasan di Kedah.

Kaedah pembajaan, pengairan dan sebagainya dilihat paling baik di Sekinchan, maka cara tersebut kita bawa ke tempat-tempat lain supaya dapat meningkatkan hasil. Ternyata ia berjaya dilaksanakan di Pasir Puteh, Kelantan serta di Lat Seribu, di sempadan

Kedah dan Perlis. Begitu juga di Besut, Terengganu berlaku peningkatan hasil padi.

Pada masa sama berlaku perubahan cuaca yang di luar kawalan seperti di Kelantan mengalami kemarau dua kali berturut-turut menyebabkan kehilangan hasil dalam lingkungan empat peratus.

Kemudian berlaku pula banjir di Kedah; Pasir Mas dan Tumpat di Kelantan ketika musim padi sedang masak. Pesawah tidak sempat menuai sekali gus terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit. Kerana ini, pentingnya untuk mencari alternatif ketiga dan keempat yang membolehkan kerajaan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sarawak mempunyai inisiatif awal untuk menjadikan negeri itu sebagai jelapang padi ketiga. Kebetulan pula Premier Sarawak berminat dalam pertanian dan beliau memperuntukkan RM500 juta untuk tanaman padi tahun ini.

Dengan penggunaan biji benih baharu dan teknologi moden, Sarawak boleh menjadi pengeksport beras dalam tempoh 10 tahun lagi. Sementara di Kota Belud, Sabah kawasannya subur cuma sistem pengairannya perlu ditambah baik.

Ini cuba kita lakukan dengan mengambil contoh malapetaka yang berlaku di New Orleans, tetapi tidak berlaku di California atau Texas. Begitu juga sekiranya banjir di Hainan, China tidak

menjeaskan Beijing. Ini yang diharapkan, jika berlaku banjir di semenanjung, kita masih boleh mengharapkan bekalan dari Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri juga mengambil perhatian khas supaya hal beras ini dapat dipulihkan dan jika boleh sampai ke peringkat SSR. Misalnya jika luas sawah (satu sawah) dapat menghasilkan purata tujuh tan, maka kita sudah melepasi kecukupan. Ketika ini purata tujuh tan hanya diperolehi di Seberang Perai dan beberapa tempat di Perak dan Selangor.

ADIL KEPADA PESAWAH, PENGILANG & PENGGUNA

Jaminan kementerian pada masa ini adalah untuk memastikan tiada kenaikan harga BPT. Namun, kita menyedari kos pengeluaran dan lain-lain telah meningkat. Jadi, kita sedang meneliti hal ini dengan sebaik-baiknya kerana kelangsungan hidup pesawah perlu dijadikan keutamaan. Mereka juga perlu meningkatkan ekonomi diri.

Bahkan banyak kilang-kilang beras sudah ditutup sebab tidak lagi dapat menampung kenaikan kos. Sebab itu kita amat cakna dan sentiasa berbincang dengan semua pihak supaya apa-apa jua keputusan nanti dapat melegakan penanam padi, pengilang juga tidak rugi



MOHAMAD Sabu ketika ditemu bual wartawan *Utusan Malaysia*. Aqilah Mior Kamarulbaid, Aslinda Nasir dan Alda Rizmariza Kamaruddin di pejabatnya, di Putrajaya, baru-baru ini.

dan pengguna tidak terbeban.

SUBSIDI NEGARA TERTINGGI

Kerajaan memberi lebih daripada 60 peratus subsidi kepada pesawah meliputi racun, baja, benih dan hanya memberi satu peratus sahaja.

Sebarang cadangan perubahan harga BPT, kita akan berbincang dengan kementerian lain termasuk Kementerian Ekonomi untuk melihat bagaimana boleh membantu golongan B40 tetapi ketika ini tiada cadangan untuk menaikkan harga BPT.

Bagaimanapun, perbincangan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa supaya pengguna tidak terbeban dan pesawah

boleh terus bertahan

KEMENTERIAN SEDAR WUJUD BERAS CAMPUR

Berdasarkan kajian awal yang dibuat oleh MyCC (Suruhanjaya Persaingan Malaysia), aktiviti campuran beras berlaku sejak 70-an lagi. Campuran ini dibuat sebagai resepi untuk menyedapkan lagi rasa beras yang dijual. Ertinya campuran beras sebenarnya sudah jadi kebiasaan sejak dulu lagi. Kita juga dapati dahulu orang membeli beras mengikut jenama dan tidak ambil tahu pun sama ada ia BPT, beras import atau beras campuran.

Cuma sekarang ini ia menjadi isu. Sebab itulah kita sedang membuat perbincangan akhir dengan pelbagai pihak

termasuk MyCC sama ada wujud keperluan untuk membenarkan atau tidak beras campur di pasaran. Mardi (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) juga sedang giat mendaftarkan kod DNA untuk semua jenis padi yang ditanam di negara ini.

Jadi pengguna tidak perlu resah kerana apa jua keputusan yang bakal diambil kerajaan nanti, tentunya mengutamakan kebijakan pesawah dan pengguna.

PERANAN AGENSI

Seperti saya kata, penanaman padi memerlukan pembaharuan, pemodenan dan pemulihan pengairan yang mana Perdana Menteri akan lancarkan tidak lama lagi. Ia adalah penanaman padi

lima kali untuk dua tahun di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sebenarnya dari segi kualiti, beras tempatan jauh lebih baik daripada beras import. Kita juga sedang meningkatkan jenis-jenis beras yang dikenalkan oleh Mardi. Diakui varieti beras hasil penyelidikan agensi ini berkualiti tinggi tetapi kita juga perlu memahami kehendak pasaran adakah benar beras tempatan atau beras import yang sebenarnya menjadi pilihan pengguna?

RAKYAT TIDAK AKAN BERHENTI SOAL KEHILANG BERAS TEMPATAN

Apa yang penting, apa yang kita buat perlu dilihat dalam jangka masa panjang. Kalau kita boleh tambah kawasan dan pengeluaran daripada 55 peratus kepada 60 atau 65 peratus, itu akan sedikit melegakan.

Memanglah ke mana saya pergi pun, orang akan bercakap mengenai beras. Saya dihentam teruk di Parlimen. Biasalah sebab ia makanan ruji rakyat kita. Kalau kita kekurangan daging, rakyat tidak bisng kerana tahu mempunyai alternatif lain seperti ayam atau telur

DAKWAAN KARTEL

MyCC yang lebih sesuai menjawab kerana itu bidang kuasa mereka yang menentukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	HARIAN METRO	KU BELA	32

KUBELA



MELINDUNGI haiwan ini juga tanda anda menghargai alam sekitar.

PENGHARGAAN BUAT HAIWAN

Hari khas disambut seluruh dunia bagi mewujudkan saat indah antara manusia dan haiwan

FOKUS

Oleh Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Sama seperti manusia, haiwan juga diraikan pada hari tertentu dan ia semestinya menambahkan momen indah bagi pencintanya.

Hari Haiwan Sedunia

4 Oktober dipilih menjadi Hari Haiwan Sedunia bagi memperkasakan kesedaran berkenaan peri pentingnya peranan haiwan dalam kehidupan manusia.

Ia turut mengajak kita untuk sama-sama menjaga kebajikan dan memelihara haiwan dengan penjagaan sempurna tanpa mengabaikannya. Begitu juga dengan haiwan yang diancam kepupusan.

Sejak penubuhannya pada 1931, kini Hari Haiwan Sedunia menjadi platform global untuk meraih perhatian kepada isu-isu terhadap haiwan di seluruh dunia.

Di Malaysia, walaupun terdapat Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan denda dan penjara, namun ia seolah-olah tidak menghentikan kezaliman terhadap haiwan.

HARI Burung Kakak Tua Sedunia disambut pada 31 Mei setiap tahun.

HAIWAN unik juga menuntut kepekaan manusia.



Hari Veterinar Sedunia

Diraikan di seluruh dunia pada Sabtu minggu ketiga dalam April setiap tahun yang bertujuan untuk mengangkat dan menghargai sumbangan profesion veterinar di mata masyarakat.

Hari Kucing Sedunia

Pada tanggal 8 Ogos setiap tahun, Hari Kucing Sedunia disambut untuk memberi kesedaran berkenaan kebajikan haiwan berkenaan terutama kucing terbiar serta cara penjagaan yang betul.

ANDA perlu peka dengan kesihatan kucing anda.



HARI Hamster Sedunia disambut setiap 12 April setiap tahun.

Hari Migrasi Burung Sedunia

Disambut pada setiap Sabtu kedua pada Mei setiap tahun. Sambutan hari berkenaan bertujuan memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat kepelbagaian jutaan spesies unggas atau burung yang melakukan perjalanan ribuan kilometer setiap tahun mencari sumber makanan, tempat bertelur, atau cuaca yang sesuai.

Pada masa sama, sambutan hari berkenaan antara usaha mengilangkan masyarakat dunia berkenaan ancaman terhadap burung migran

seperti kehilangan habitat, perubahan iklim, dan perdagangan haram.

Dengan memperingati Hari Migrasi Burung Sedunia, ia antara mesej di dalam menghargai keunikan alam semula jadi.

Selain sama-sama mengambil inisiatif untuk melindungi persekitaran supaya generasi akan datang dapat terus menikmati keindahan ini.

Hari Hamster Sedunia

Tanggal 12 April setiap tahun juga dianggap sebagai Hari Hamster Sedunia. Tidak dinafikan hamster



FOTO: HAN APU

Program SPCA pupuk rasa simpati pelajar APU

Oleh NurNazwa Alya Azman
rencana@hmetro.com.my

Seramai 17 pelajar Asia Pacific University (APU) menerima pengiktirafan terhormat daripada DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri yang juga Penangir Diraja Stray Free Selangor, baru-baru ini. Majlis khas diadakan di ibu pejabat SPCA di Ampang, Selangor memberi penghormatan kepada pelajar berkenaan di atas komitmen teguh mereka terhadap kebajikan haiwan.

Diketuai Ketua Pegawai Operasi APU, Gurpreet Singh dan diiringi penerbit Pusat Pengajian Perniagaan,

Abhirami Sivarajan, pelajar berkenaan menerima pengiktirafan di hadapan Pengerusi SPCA, Christine Chin.

"Perkongsian APU dengan SPCA selama ini bukan sahaja menyokong tujuan penting, tetapi juga memupuk pembangunan sahsiah dalam kalangan pelajar universiti ini sendiri."

"Menerusi pembabitian dalam inisiatif penuh makna, mereka memupuk empati dan rasa tanggungjawab yang membimbing peribadi dan perjalanan profesional."

"Dedikasi mereka menunjukkan bagaimana memberi kembali kepada masyarakat dan sesiapa saya yang terabit," katanya Gurpreet.

Malah pengiktirafan itu juga bertepatan dengan Hari Haiwan Sedunia dan meraikan pembabitian yang konsisten dalam program sukarelawan SPCA.

APU turut bekerjasama dengan SPCA sejak 2016 menerusi Program Asasi, di mana setiap bulan pelajar mengambil bahagian dalam inisiatif yang memberi impak positif kepada komuniti dan mempromosikan amalan etika dalam kebajikan haiwan.

Selain tenaga, APU turut memberikan sumbangan kewangan berjumlah RM10,000 kepada SPCA di bawah inisiatif Stray-Free Selangor.

antara haiwan peliharaan popular di negara ini selain kucing.

Saiz badan yang comel dan karakter mengui hati antara faktor hamster sering menjadi pilihan.

Hari Burung Kakak Tua Sedunia

Disambut setiap 31 Mei setiap tahun bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan burung kakak tua dan cabaran yang dihadapi burung berwarna-warni itu. Hari Burung Kakak Tua Sedunia turut menekankan aspek kehilangan habitat.

perdagangan haiwan peliharaan haram, dan kepentingan memelihara biodiversiti.

Peminat dan organisasi di seluruh dunia turut mengambil inisiatif dengan terbit dalam pelbagai program termasuk acara pendidikan, memupuk penghargaan dan komitmen yang lebih mendalam untuk melindungi haiwan unik ini.

Menariknya, sambutan Hari Burung Kakak Tua Sedunia disambut sejak 2004 bagi mewujudkan kesedaran mengenai haiwan yang terancam itu.

Kakak tua yang terdiri daripada 21 spesies burung yang tergolong dalam keluarga Cuckoo, mempunyai bulu berwarna-warni dan pandai meniru percakapan manusia.

HARI Haiwan Sedunia memperkasakan kebajikan haiwan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	HARIAN METRO	KU BELA	34

Oleh Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Haiwan terutamanya peliharaan anda juga terdedah kepada penyakit ketika musim hujan.

Kucing umpamanya mudah sakit kerana kelembapan yang tinggi dan meningkatkan risiko penyakit.

Justeru, anda sebagai pemilik perlu peka dengan kebersihan haiwan peliharaan anda itu.

Berikut adalah empat jenis penyakit yang biasa dialami kucing kesayangan anda khususnya ketika musim hujan.

1. Feline Infectious Peritonitis (FIP)

ia adalah penyakit yang disebabkan feline coronavirus yang menular kerana perkongsian makanan, najis, cecair tubuh serta bersin.

Biasanya kucing dijangkiti FIP, ia akan menyebabkan si bulus itu mengalami kekejangan, kegagalan organ, penurunan berat



FOTO: PEXELS.COM
KUCING antara haiwan yang mudah dijaga.



SAYANGI dan lindungi haiwan peliharaan anda.

PERHATI KUCING MUSIM HUJAN

Pemilik harus peka kebersihan haiwan, elak serangan 4 penyakit ketika lembab



BERI juga perhatian terhadap aspek pemakanan.

badan serta gangguan penglihatan. Bagaimanapun, dikatakan FIP belum

mempunyai ubat tertentu untuk merawatnya namun anda sebagai pemilik kucing boleh mendapatkan

suntikan vaksin untuk menurunkan risiko penularannya.

Dikatakan juga penyakit ini berisiko kematian yang beresiko kematian kucing mencecah 95 peratus.

2. Panleukopenia

Panleukopenia atau parvo didefinisikan keadaan di mana sel darah putih kucing berada pada tahap rendah dan ia berbahaya jika berlaku terutamanya pada anak kucing.

Ia disebabkan virus dan dapat tersebar melalui air liur, air kencing, najis dan air mata. Kucing jalanan atau kucing peliharaan yang bebas berkeliaran sangat berisiko terdedah dengan penyakit ini. Apatah lagi parvo

dikatakan boleh menyebabkan kematian terutamanya bagi kucing yang berusia setahun ke bawah.

3. Feline Respiratory Disease Complex

Ia adalah demam selsema dengan tiga jenis yang berbeza iaitu Feline Calicivirus (FCV), Feline Herpesvirus Type-1, dan Chlamydia.

Malah ia dikatakan mudah tersebar melalui bersin kucing atau sentuhan langsung pada benda yang terkena cecair daripada kucing yang dijangkiti.

Bagi pemilik kucing, anda disarankan supaya lebih kerap membersihkan cecair yang keluar daripada hidung dan mata haiwan itu yang sedang sakit supaya tidak menjangkiti kucing lain.

4. Cirit-birit

Tidak hanya manusia, ia turut menyerang kucing. Antara faktornya, cuaca tidak menentu, pemakanan tidak sihat serta tabiat kucing yang menjilat air kotor di dalam longkang atau tempat kotor.

Kucing yang lesu boleh mengalami dehidrasi. Jadi, sebagai pemilik anda perlu peka dan kerap membersihkan kotoran haiwan itu kerana ia boleh menjadi sarang penyakit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	WILAYAHKU.COM	ONLINE	

Tukun tiruan jaga ekosistem, lestarikan hidupan marin dengan bahan terpakai



NELAYAN tempatan membuat tukun ikan di Pantai Kampung Nagalang

DEMI memastikan usaha memelihara dan memulihara ekosistem kehidupan laut yang kian terancam di perairan kawasan pulau ini terus terpelihara, Persatuan Nelayan Kawasan Labuan Utara (PNKLU) mengambil usaha melaksanakan aktiviti melabuhkan tukun tiruan.

Menurut Pengurus Besar PNKLU, **Zubaidah Kilo**, pihaknya menggunakan pendekatan itu bagi meningkatkan ekosistem kehidupan laut di pulau ini sekali gus sebagai tempat pembiakan hidupan laut.

Katanya, aktiviti melabuh tukun tiruan itu telah memberikan kesan positif kepada hidupan marin khususnya kepada golongan nelayan dalam mendapatkan hasil tangkapan ikan di kawasan perairan ini.

“Sejak persatuan ini ditubuhkan pada tahun 2022, pihak kami amat menekankan kepentingan memelihara dan memulihara hidupan laut kepada ahli-ahli persatuan agar ia dapat memastikan habitat dan pembiakan khususnya ikan dapat dipertingkatkan.

“Untuk menjayakan usaha itu, kami melaksanakan beberapa aktiviti melabuhkan tukun tiruan sepanjang tahun dengan menggunakan bahan-bahan buang seperti tayar motosikal yang tidak digunakan.

“Kami melihat dengan menggunakan barang buang seperti getah tayar motosikal, ia mempunyai ketahanan yang lama di dalam air berbanding tukun tiruan berasaskan kayu yang hanya mampu bertahan sekitar tiga ke empat bulan sahaja.

“Selain itu, ia juga tidak memerlukan modal kerana barangan terbuang itu diperoleh secara percuma dari bengkel di sekitar sini.

“Sehingga kini, pihak kami berjaya melabuhkan lebih 30 tukun tiruan di sekitar Kampung Nagalang dan Kampung Tanjung Aru. Berdasarkan pemerhatian daripada ahli-ahli kami yang juga golongan nelayan, ada peningkatan pembiakan ikan di sekitar perairan pulau ini.

“Dengan usaha ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada hidupan laut malahan dapat membantu meningkatkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan di pulau ini,” katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Tambahnya, pihaknya turut sering bekerjasama dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan agensi kerajaan mahupun swasta dalam melestarikan kehidupan laut di pulau ini terus terpelihara.

Katanya, pihak kerajaan memperuntukkan dana yang besar untuk projek dengan tujuan memastikan nasib golongan nelayan terus terbela khususnya di Labuan.

Sementara itu, seorang nelayan veteran, **Talip Montel**, 73, menyifatkan usaha yang dilaksanakan sebagai satu usaha yang murni dalam memartabatkan nasib golongan nelayan di pulau ini dan secara tidak langsung dapat memelihara hidupan laut yang mana kian terancam.

“Sebagai nelayan, saya amat menyokong sepenuhnya usaha yang dilaksanakan ini kerana tanpa usaha ini tempat pembiakan hidupan laut akan terjejas dan pada ketika ini terumbu karang di perairan Labuan juga semakin pupus.

“Alhamdulillah, dengan usaha melabuh tukun tiruan ini kami melihat jumlah ikan di perairan Labuan semakin meningkat dan hasil pendapatan pun secara tidak langsung meningkat.

“Saya harap usaha memulihara dan memelihara kelestarian hidupan laut ini terus dilaksanakan kerana ia perkara penting dalam kehidupan kita sebagai salah satu sumber makanan,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai aktiviti pencerobohan nelayan asing khususnya dari negara jiran iaitu Filipina sehingga ke kawasan persisiran pantai, beliau sekeras-kerasnya membantah tindakan nelayan asing yang sering mengambil hak nelayan tempatan.

Katanya, kesan pencerobohan nelayan asing bukan sahaja menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan malah mereka juga merosakkan ekosistem hidupan laut dengan menggunakan kaedah pengeboman ikan dan sebagainya.

“Penguatkuasaan daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut telah dilaksanakan secara kerap di kawasan perairan Labuan namun penceroboh nelayan asing ini tetap degil dan licik.

“Kebimbangan itu sememangnya tidak dinafikan, lebih-lebih lagi ia akan memberikan kesan negatif kepada hidupan laut dan para nelayan tempatan. Bagaimanapun, kami berharap kegiatan pencerobohan nelayan asing ini dapat dibendung dengan secara lebih holistik,” katanya.

– **WILAYAHKU**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Nelayan, peniaga rugi akibat fenomena air pasang besar, angin kencang



Aznan melihat peralatan menangkap ikan yang rosak semasa melawat kawasan Sungai Musoh, di Pengerang, hari ini

PENGERANG – Fenomena air pasang besar dan angin kencang yang berlaku di kawasan Sungai Musoh di sini semalam mengakibatkan kerosakan dan kerugian kepada nelayan serta peniaga.

Insiden pada awal pagi tersebut berlaku di sekitar kawasan berkenaan yang dijadikan tapak perkhemahan dan tempat rekreasi.

Ketua Komuniti Nelayan Sungai Musuh, Mohammad Jaffar berkata, lima nelayan antara paling teruk terjejas apabila mengalami kerugian masing-masing lebih RM1,000 hingga RM10,000.

Jelasnya, pelbagai barangan dan kelengkapan menangkap hasil laut rosak dan hilang akibat dibadai ombak besar dan dipukul angin kencang.

“Sejak bulan lalu, situasi ombak besar dan angin kencang itu berlaku beberapa kali, namun apabila memasuki gelombang kedua, ia lebih teruk dan luar biasa.

“Pukul 1 pagi semalam, saya dah lihat jadual air dan maklumkan kepada komuniti nelayan bahawa air agak besar, ada juga yang turun ke laut, tetapi tidak boleh buat apa, jadi kita semua siap sedia di sini.

“Bila ombak besar hampir 3.2 meter, ditambah pula angin yang kuat, banyak barang kita alami kerosakan termasuk bubu udang, jaring tagan, jaring berhanyut dan jaring umpan.

“Bot-bot nelayan kita letak di Jeti LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) yang terletak kira-kira 200 meter dari sini, ada satu yang bocor. Bot masih sempat diselamatkan tapi barangan lain tidak sempat.

“Pontoon yang kita letak barang-barang semua terlepas daripada ikatan di tiang sebab tiang patah dan ada yang condong kerana air besar,” katanya ketika ditemui di Sungai Musoh di sini hari ini.

Mohammad berkata, dia dan beberapa lagi nelayan berada di lokasi kejadian ketika itu, namun tidak dapat berbuat apa-apa bagi menyelamatkan harta benda mereka.

Dia dan nelayan lain yang terjejas berharap ada pihak yang prihatin membantu mereka berdepan ujian tersebut.

“Harap ada pihak yang boleh turun lihat apa nelayan alami di sini, harap dapat bantu segera kerana kami semua mahu turun semula ke laut, mungkin pada Mac selepas monsun ini berakhir,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Surat, Aznan Tamin berkata, fenomena yang berlaku menyebabkan nelayan dan peniaga di lokasi itu mengalami kesan yang agak teruk.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri, hadir melawat lokasi kejadian dan bertemu nelayan terjejas, sebelum bersetuju menghulurkan bantuan segera bagi menyelesaikan masalah yang berlaku.

Mereka ujarnya, tidak dapat turun ke laut dan mengalami kerugian agak besar dan untuk itu pihaknya cuba mencari ruang untuk bantu mereka.

"Bantuan akan diberikan di peringkat pejabat saya, kita juga akan bantu dapatkan bantuan dari kerajaan negeri," katanya.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Nelayan rugi RM10,000, peralatan rosak dibadai ombak

Oleh MASTURAH SURADI

utusannews@mediamulla.com.my

KOTA TINGGI: Golongan nelayan di Sungai Musoh, Pengerang, dekat sini mendakwa menanggung kerugian sehingga mencecah RM10,000 apabila peralatan mereka rosak dibadai ombak besar dan angin kencang awal pagi semalam.

Ketua Komuniti Nelayan Sungai Musuh, Mohammad Jaffar berkata, sekurang-kurangnya lima orang nelayan terjejas akibat kejadian itu dengan masing-masing mengalami kerugian antara RM1,000 hingga RM10,000.

"Pelbagai barangan dan kelengkapan menangkap hasil laut rosak dan hilang akibat dibadai ombak besar dan angin kencang.

"Situasi itu berlaku sejak bulan lalu dan memang sudah beberapa kali terjadi, namun apabila memasuki gelombang kedua, ia lebih teruk.

"Apabila ombak besar hampir 3.2 meter, ditambah pula angin yang kuat, banyak barang nelayan mengalami kerosakan termasuk bubu udang, jaring tagan, jaring berhanyut dan jaring umpan," katanya ketika ditemui di Sungai Musoh, Pengerang di sini semalam.

Katanya, terdapat bot nelayan yang diletak di Jeti Lembaga Ke-



AZNAN Tamin (kanan) melihat peralatan nelayan di Sungai Musoh, Pengerang, Johor yang rosak dibadai ombak besar dan angin kencang.

majuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Musoh turut rosak akibat kejadian itu.

"Saya harap ada pihak yang boleh turun lihat apa yang nelayan alami di sini, dan membantu segera kerana kami mahu

turun semula ke laut, mungkin pada bulan Mac selepas monsun ini berakhir," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Surat, Aznan Tamin berkata, pihaknya akan menghulurkan

bantuan segera bagi meringankan beban nelayan terlibat.

"Mereka tidak dapat turun ke laut dan mengalami kerugian agak besar, jadi, kita cuba cari ruang untuk bantu mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Sawah ditenggelami banjir akibat masalah kunci air

PASIR SALAK: Pesawah di Labu Kubong di sini menanggung kerugian apabila sawah mereka ditenggelami air dan sukar untuk surut berikutan masalah pembinaan kunci air yang belum siap.

Kawasan yang terlibat dengan masalah itu dianggarkan seluas 300 hektar menyebabkan padi rosak akibat lama terendam dalam air banjir.

Selain itu, banjir juga menyebabkan tanah sawah menjadi lembut dan jentera pemotong padi mudah terbenam dalam tanah.

Wakil pesawah Labu Kubong, Abdullah Salleh, 45, berkata, masalah sawah ditakungi air banjir sudah berlaku sejak beberapa bulan lalu berikutan pembinaan kunci air belum siap di kawasan berdekatan.

"Masalah ini sudah beberapa bulan berlaku. Kawasan yang terlibat agak luas iaitu kira-kira 300 hektar. Air yang tidak surut menyebabkan tanah menjadi lembut.

"Kerap kali jentera pemotong padi terbenam dalam tanah sehingga ada jentera yang rosak dan mengambil masa berhari-hari untuk dinaikkan.



PESAWAH menunjukkan keadaan sawah yang tidak dapat diusahakan akibat ditenggelami banjir di Labu Kubong di Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

"Keadaan banjir yang tidak surut ini menyukarkan pesawah untuk menanam padi, kami sudah menanggung kerugian yang besar akibat masalah ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, sebelum ini paling lewat tiga hari air akan surut namun sekarang sudah berbulan-bulan kawasan padi yang rendah menjadi kawasan

takungan air.

Katanya, sejak mengusahakan sawah, ini kali pertama masalah itu berlaku berpunca daripada pembinaan kunci air yang belum siap.

"Apabila air tidak surut, bagaimana kami hendak menanam padi. Ini menjejaskan pendapatan kami dan berharap masalah ini dapat diselesaikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Pesawah derita, 'main harga' padi

Oleh FITRINIZAM
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Harga lantai pembelian padi dicadang dinaikkan bagi mengelakkan mana-mana pihak daripada 'membuat harga sendiri' dalam urusan jual beli makanan rui rakyat Malaysia.

Pada masa sama, penetapan harga lantai itu juga dilihat kaedah terbaik bagi menjamin nasib golongan petani yang sebahagian besar daripadanya adalah golongan miskin tegar.

Pengerusi Badan Bertindak

Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain mencadangkan supaya harga lantai ditetapkan pada kadar RM1,800 per tan metrik.

Katanya, jumlah itu merangkumi kenaikan kos ditanggung pesawah membabitkan benih, baja, jentera dan perbelanjaan lain.

"Kita ambil contoh kos sewaan mesin tuai, sebelum ini harganya adalah RM120 bagi setiap relung, tetapi atas alasan kenaikan harga diesel tahun lalu, ia dinaikkan kepada RM180

bagi setiap relung.

"Kami berpandangan perlu ada penetapan harga lantai yang munasabah supaya harga padi tidak sewenang-wenangnya diturunkan oleh mana-mana pihak sehinggakan pesawah terpaksa menanggung deritanya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, cadangan harga lantai pada kadar RM1,800 per tan metrik adalah munasabah kerana pada tahun lalu pengilang membeli padi daripada pesawah dengan kadar tertinggi iaitu RM1,850 per tan

metrik.

"Sekarang ini, kebanyakan pesawah bukannya mahu menanam padi tetapi terpaksa kerana isunya adalah harga padi rendah dengan pendapatan bersih selepas kos sekitar RM400 hingga RM500 bagi setiap relung.

"Ini yang membuatkan kebanyakan golongan muda sudah tidak berminat lagi untuk menyambung usaha orang tua masing-masing kerana pendapatannya sangat rendah," katanya.

Sebelum ini, Pertubuhan Per Saudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah keras

tindakan menurunkan harga belian padi kepada RM1,300 satu tan metrik seperti yang diputuskan dalam mesyuarat pengilang beras bersama Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) baru-baru ini.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, penetapan harga itu tidak adil dan langsung tidak mencerminkan realiti kos pengeluaran padi yang semakin meningkat, malah harga padi minimum RM1,300 yang ditetapkan pada tahun 2023 sudah ketinggalan zaman dan tidak lagi relevan.



KOS penghasilan padi yang tinggi termasuk penggunaan traktor pembajak memerlukan penetapan harga lantai belian padi dikaji semula. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Belian padi RM1,600 paling sesuai harga beras semasa

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berpandangan harga belian padi yang sesuai dengan harga beras semasa ketika ini adalah sekitar RM1,500 sehingga RM1,600 per tan metrik.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, harga itu dilihat mampu mengimbangi harga beras yang hanya pada kadar RM2,800 per tan metrik ketika ini.

Katanya, harga lantai belian padi yang ditetapkan RM1,300 per tan metrik sejak Oktober 2023 perlu ditingkatkan kepada jumlah lebih tinggi kerana ia dilihat tidak memadai untuk pesawah menampung kos penghasilan padi yang semakin meningkat.

"Ada tiga perkara yang mesti dilihat dalam usaha untuk menangani isu ini, pertama ialah peladang iaitu mereka yang membuat sawah, kedua ada-

lah pengguna beras iaitu rakyat keseluruhannya dan ketiga adalah pengilang.

"Melihat kepada tiga komponen ini mesti bersekali dengan harga-harganya iaitu harga beras putih tempatan, harga padi dan harga benih kerana ia akan menentukan antara satu sama lain.

"Misalnya harga beras sekarang agak murah, katakan RM2,800 setiap tan metrik, maka sudah tentu harga padi yang sesuai dibeli adalah sekitar RM1,500 atau RM1,600 dan jika harga padi sekitar itu, maka harga padi benih adalah RM150 ke RM200 lebih mahal daripadanya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada pembentangan Belanjawan 2024, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peningkatan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan metrik berbanding RM1,200 iaitu kadar

sejak 2014 bagi membantu menambah pendapatan pesawah.

Kata Dr. Ismail, beliau berterima kasih kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang sedang meneliti untuk menaikkan harga lantai belian padi dengan membawa perkara itu ke Kabinet.

Bagaimanapun ujarnya, pembaharuan terhadap industri padi negara mesti berterusan agar dapat mencapai penghasilan tinggi padi berbanding kini yang masih dalam kategori rendah.

"Usaha untuk meningkatkan hasil ini mesti berterusan melibatkan empat perkara iaitu kesuburan tanah, pengairan, pengurusan dan varieti padi itu sendiri. Kalau hasil tinggi sudah tentu peladang kita akan menikmati hasil lebih dan kos keseluruhan dalam industri padi ini mesti dilihat semula dan mesti diturunkan," katanya.

'Technology, R&D among key ingredients for food security'

KUALA LUMPUR: Precision technology, robotics and digitalisation coupled with research and development (R&D) are vital ingredients for Malaysia to achieve food self-sufficiency, especially in rice production, as it continues to grapple with rising costs and production inefficiencies.

Food security expert Datin Paduka Prof Fatimah Mohamed Arshad (pic) said the advent of robotics, connectivity and technology, alongside digital tools and applications, offers immense potential to transform agriculture.

In an interview following her appearance on Bernama TV's The Nation hosted by Elane Abdullah on Monday, Fatimah highlighted that Malaysia's food productivity falls short, which jeopardises the country's food security.

Citing padi cultivation, Fatimah, who is a research fellow at the Institute of Agricultural and Food Policy Studies at University Putra Malaysia, said while laboratory studies suggest yields of six to eight tonnes per hectare, "structural problems and climate change prevent us from achieving this".

"Therefore, Malaysia needs robust R&D, government support, infrastructure development, and timely interventions.

"With the advent of robotics, connectivity, and technology as well as digital tools, we must develop applications and instruments to

enhance efficiency and reduce costs to improve production," she said.

Fatimah said Malaysia heavily depends on imported inputs for almost all agricultural items, including fertilisers, pesticides, weedicides, machinery, and even paddy harvesters, which actually are 20-year-old wheat harvesters from Holland.

"These are not designed for rice harvesting, making them inefficient, especially when used on small farms," she said.

The food security expert highlighted that this over-reliance on imported agricultural inputs, coupled with global inflation and supply chain disruptions, has left Malaysia's food production system vulnerable.

"When you import, you also import inflation," she said, pointing out how rising input costs have heavily impacted local farmers' production capabilities.

Fatimah expressed concern that Malaysia's achievement in food security could be categorised as "moderate" but relatively weak in the resiliency against crisis for most food, especially after the Covid-19 pandemic.

"Malaysia must prioritise putting its house in order with a clear focus on improving the performance of its food security," she said.

Fatimah said that a reduction in imports and the achievement of self-sufficiency and food security are of paramount importance. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Banting tulang enam bulan, 'gaji' tidak sampai RM2,000

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIBL
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Membanting tulang lebih enam bulan, pendapatan tidak sampai RM2,000. Itu nasib para pesawah sekiranya harga belian padi musim ini terus menjunam sehingga mencecah harga lantai iaitu RM1,300 per tan metrik.

Pendapatan bersih tersebut berdasarkan keluasan tanaman satu hektar dengan hasil dua tan metrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, sebab ini harga belian padi sekitar RM1,800, pesawah yang mengusahakan tanaman seluas satu hektar dan hasil dua tan metrik, mampu menjana pendapatan bersih sekitar RM2,400.

Katanya, ia berdasarkan pendapatan pesawah sekitar RM3,700 dan selepas ditolak kos RM1,300 selepas enam bulan

terpaksa dihadapi pesawah ketika ini. Bagi yang menyewa, pendapatan lebih sedikit selepas ditolak semua kos.

"Sekarang, semua kos meningkat. Misalnya kos jentera daripada RM140 serelung meningkat kepada RM200. Dron untuk meracun dari RM20 ke RM25, kos tabur dari RM10 ke RM13 (serelung).

"Jika harga belian padi menjunam sehingga RM1,300, memang teruk nasib pesawah. Sudah lah berdepan banjir yang merosakkan tanaman baru-baru ini, kini belian padi pula terus menurun," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, harga beras sepatutnya dinaikkan dan dijual RM32 setiap 10 kilogram (kg) bagi menyamai harga lantai RM1,300 per tan metrik agar semua pihak termasuk pengilang, pemborong dan petani tidak terbeban.

Pada masa ini, harga beras tempatan masih kekal RM26

setiap 10kg yang tidak pernah disamak sejak 16 tahun lalu iaitu ketika harga belian padi ketika itu sekitar RM950 per tan metrik.

Mohd. Noor berkata, meskipun berdepan pelbagai masalah, pesawah tidak ada pilihan terpaksa terus mengusahakan tanaman kerana ia satu-satunya sumber pendapatan.

Untuk itu katanya, bagi memberi situasi menang-menang kepada semua pihak, kerajaan perlu menaikkan harga belian padi kepada RM1,800 atau RM2,000 dan menyemak harga beras daripada RM26 kepada RM36 atau RM40 bagi 10kg.

"Industri padi sekarang berada pada titik terendah dengan pelbagai isu kebelakangan ini. Kos meningkat, harga belian padi menurun, beras tiada di pasaran.

"Keadaan 10 tahun lalu adalah lebih baik, kita tidak dengar sangat masalah seperti yang berlaku sekarang," katanya.



NASIB para pesawah 'sakit' sekiranya harga belian padi musim ini menjunam sehingga mencecah harga lantai iaitu RM1,300 per tan metrik. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

bertungkus lumus mengusahakan sawah.

Bagaimanapun, sekiranya harga belian padi menjunam sehingga RM1,300 musim ini, pendapatan pesawah bakal susut sehingga 30 peratus daripada RM2,400 kepada RM1,900.

"Bayangkan enam bulan kerja di bawah panas matahari, hujan, mengawal serangan penyakit dan pelbagai masalah lain, pesawah hanya mendapat 'gaji' bawah RM2,000. Itu realiti yang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2025	HARAKAH	ONLINE	

Pertanian: Kelantan fokus tiga projek besar 2025



Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

KOTA BHARU: Tiga projek yang menjadi fokus utama Kerajaan Negeri Kelantan menjelang 2025 seperti Rong Chenok Agro Valley (RCAV), Kilang Padi Darul Naim di Meranti dan Projek Ternakan Haiwan Tenusu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Dato' Tuan

Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kemudahan tersebut bakal merancakkan lagi agenda Kelantan Jelapang Makanan Negara.

Bagaimanapun beliau berkata, perubahan iklim global yang dihadapi ketika ini selain masalah sistem pengairan merupakan cabaran yang menjejaskan sedikit sebanyak perkembangan dan potensi sektor itu.

“Bersama kita terus tingkatkan usaha menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara, komitmen projek seperti RACV, Kilang Padi Darul Naim, dan projek ternakan tenusu membuktikan potensi kita.

“Namun kita berhadapan pelbagai cabaran seperti perubahan iklim dan isu pengairan yang perlu diatasi dengan penuh tekad,” tulis beliau dalam satu kenyataan di laman sosial, Facebook hari ini.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu menyertai majlis taujihat di sini semalam yang menjadi wadah pertemuan dan perbincangan strategik antara agensi di bawah jawatankuasa tersebut.

Sebelum ini, RCAV dikomersialkan pada tahun 2025 sebagai satu lagi lokasi agro pelancongan seliaan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan.

Pembangunan tersebut meliputi 600 ekar itu merangkumi penternakan rusa serta lembu hibrid, tanaman komoditi termasuk tanaman sayur hidroponik bebas kimia seperti kangkong, sawi, ubi dan sebagainya.

Pada tahun ini juga dilaporkan sebuah Kilang Padi Darul Naim di Meranti Pasir Mas mengeluarkan beras dengan jenama Agro Darulnaim dan dijangka berada di pasaran pada pertengahan 2025.

Menurut Tuan Mohd Saripudin lagi, beras tersebut akan dikeluarkan PKPNK dengan kerjasama pelabur menyiapkan kemudahan tersebut bagi mencapai hasrat kerajaan negeri untuk memiliki kilang sendiri.

Dengan keluasan tanah yang luas serta budaya penternakan rakyat Kelantan, beliau juga yakin kerajaan negeri mampu meningkatkan lagi pengeluaran produk tenusu pada tahun 2025.

Malah satu perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan diadakan sebelum ini bagi menyelaraskan peruntukan bagi projek penternakan lembu tenusu seluruh negeri itu. –
HARAKHDAILY 14/1/2025